



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 2.00 petang, 31 Mei 2025

Untuk Terbitan

Media 31 Mei 2025

SIARAN MEDIA

800 PENERIMA TAJAAN CARUMAN PERLINDUNGAN SOSIAL; INGATKAN MAJIKAN HARI TERAKHIR OPERASI BULAN PEMUTIHAN

KOTA KINABALU: Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong hari ini mengumumkan peningkatan tajaan caruman perlindungan keselamatan sosial kepada 800 penerima menerusi Program Lindung Kasih PERKESO yang berlangsung di Hotel Lintas Platinum, di sini sempena sambutan perayaan Pesta Kaamatan.

Steven Sim berkata, seramai 150 suri rumah melalui Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) dan 50 individu bekerja sendiri melalui Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) pada hari ini menerima tajaan caruman dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM21,500.

"Selain itu, saya turut mengumumkan penambahan 600 lagi tajaan caruman SKSSR untuk memastikan lebih ramai suri rumah mendapat perlindungan keselamatan sosial yang komprehensif.

"Ini menunjukkan komitmen berterusan kerajaan untuk melindungi golongan suri rumah daripada bencana domestik dan keilatan semasa menguruskan rumah tangga," ujar Steven Sim.

Beliau berkata, tajaan caruman jaringan keselamatan sosial ini turut mendapat sokongan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kapayan, Jannie Lasimbang yang sama menyumbang demi memastikan lebih ramai dilindungi.

"SKSSR bertujuan menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada suri rumah manakala SKSPS pula adalah jaringan keselamatan sosial yang menampung risiko bencana kerja khususnya buat mereka yang berkhidmat di sektor tidak formal," kata Steven Sim.

Dalam majlis itu juga, Steven Sim turut menyampaikan faedah kepada 13 penerima faedah dengan jumlah keseluruhan bayaran sebanyak RM66,390.10. Penyerahan ini merangkumi tiga kategori akta iaitu Akta 4 yang melibatkan 5 penerima, Akta 789 melibatkan 3 penerima serta Akta 800 yang melibatkan 5 penerima faedah.

Sementara itu, Steven Sim turut mengingatkan bahawa hari ini merupakan hari terakhir Operasi Bulan Pemutihan PERKESO yang telah berjaya memberi penjimatan sehingga RM100 juta kepada majikan dan melindungi lebih 1 juta pekerja di seluruh negara.

"Tempoh pemutihan akan berakhir hari ini dan saya menyeru kepada semua majikan untuk terus mempunyai kesedaran dalam membuat caruman untuk pekerja mereka. Ini adalah tanggungjawab sosial yang tidak boleh diabaikan," tegas beliau.

Menteri itu turut menggalakkan pekerja memuat turun aplikasi PERKESO Prihatin untuk menyemak sama ada caruman dibuat oleh majikan atau tidak sebagai langkah memastikan hak mereka dilindungi.

"Program ini adalah sebahagian inisiatif tanggungjawab sosial korporat yang mencerminkan manifestasi keprihatinan kerajaan kepada rakyat meliputi setiap lapisan masyarakat di Sabah, sekali gus meningkatkan liputan perlindungan keselamatan sosial secara sejagat," tambah Steven Sim.

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan 'no one left behind'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

31 Mei 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Iklil Fatihah

+6019-3273193

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my